

DN 2.2: Memperkuuh Industri Ukiran Kayu dalam Kalangan Generasi Muda

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Usaha untuk mengekalkan industri seni ukiran kayu perlu dikenyah terutamanya dalam kalangan generasi muda.
- Antara usaha lain yang perlu ditekankan adalah dengan meneruskan industri ukiran kayu dalam kalangan generasi muda.
- Cadangan ini juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan penawaran hasil ukiran kayu dalam kawasan desa Johor.

Komponen Cadangan:

- Strategi untuk menjadikan seni ukiran sebagai sumber pendapatan dan karier masyarakat desa.
- Menaik taraf pusat Kraf & IKS sedia ada sebagai pusat latihan.
- Memupuk minat golongan muda untuk mencebur ke bidang seni ukiran kayu.
- Penggunaan teknologi dan aplikasi dalam pembuatan ukiran kayu.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam, swasta dan masyarakat desa.



Foto: Hasil dan Proses Pembuatan Kayu di Batu Pahat
Sumber: Facebook, Hamid Tukang Kayu, 2022

CADANGAN LOKASI

Cadangan lokasi ini adalah berdasarkan aktiviti sedia ada yang memiliki potensi untuk dikembangkan dengan kepelbagaiannya aktiviti dan program desa.

| Daerah | Nama Kampung/ Pusat Kraf | Jenis Kampung |
|------------|-----------------------------|------------------------|
| Batu Pahat | • Batu 1, Jalan Baru | • Kampung Dalam Bandar |
| Kluang | - | - |
| Mersing | - | - |

AGENSI PELAKSANA

| Pemula | Pelaksana |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Institusi Latihan Perindustrian • Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Warisan Negara • Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan |

ANGGARAN KOS

- Kursus Latihan dan insentif tambahan = RM 40,000.

FASA PELAKSANAAN






Foto: Menghasilkan Pelbagai Kraf Berasaskan Pembuatan Kayu
Sumber: Facebook, Hamid Tukang Kayu, 2022

Justifikasi Cadangan

Seni kraf kayu tradisional memiliki nilai ekslusif yang tersendiri. Lakaran dan keunikan yang dihasilkan pada kayu dengan pelbagai motif perlu dikekalkan sebagai tradisi bangsa melayu. Mewujudkan program atau pusat bagi industri ukiran kayu terhadap golongan muda merupakan salah satu cara untuk memartabatkan seni ini. Cadangan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pereka-pereka muda tempatan terutamanya di dalam memahami falsafah dan identiti ukiran kayu tradisional melayu. Usaha ini juga mampu memberikan nafas baharu kepada idea dan inspirasi pereka muda tempatan pada masa akan datang.

Selain dapat mewujudkan peluang pekerjaan, cadangan ini juga mampu meningkatkan penawaran produk ukiran kayu dalam kawasan desa. Fokus juga perlu diberikan terhadap kepelbagaiannya jenis produk yang merangkumi ukiran untuk pembangunan, kraf tangan, perabot, alat muzik dan lain-lain.



Foto: Produk pembuatan yang dihasilkan Hamid Tukang Kayu
Sumber: Facebook, Hamid Tukang Kayu, 2022



Foto: Proses Pembuatan Ukiran Kayu
Sumber: Facebook, Hamid Tukang Kayu, 2022